

Terengganu tambah pingat emas menerusi acara berbasikal

ARAU - Terengganu menambah satu lagi pingat emas pada temasya Sukma XVII Perlis 2014, kali ini menerusi acara berbasikal down hill 1.5km lelaki yang berlangsung di litar Pauh Putra, Ulu Pauh semalam.



Ahmad Syazrin Awang Ilah merakam masa satu minit 43.717 saat, meninggalkan pencabarnya dari Pahang, Md. Hafiz Danial Md. Shahrulnizam untuk pingat perak dengan masa 1:45.419s manakala Muhammad Raudhatul Razman Abdul Razak dari Selangor meraih pingat gangsa dengan masa 1:46.122s.

Atlet kelahiran Dungun berusia 17 tahun itu meraih pingat kedua peribadinya dalam temasya kali ini selepas meraih pingat perak acara BMX Race 400m lelaki Sabtu lalu.

“Saya gembira kerana berjaya menebus kekecewaan Sabtu lalu dengan meraih pingat emas hari ini dan pingat ini adalah untuk ibu bapa, jurulatih serta kawan-kawan yang banyak memberikan sokongan serta bantuan kepada saya,” katanya ketika ditemui selepas tamat perlumbaan.

Natahsya Soon dari Sabah pula berjaya mencapai sasaran peribadinya apabila meraih pingat emas kedua menerusi acara down hill 1.5km wanita dengan catatan

2:00.095s, menewaskan Nur Farhanah Izzaty Zulkipli untuk pingat perak dengan masa 2:13.100s.

Pingat gangsa menjadi milik atlet Selangor, Siti Natasha Mohd. Basri, 2:17.720s.

“Saingan memang sukar di litar ini berbanding ketika di Pahang kerana di sini peserta perlu banyak berkayuh laju sekiranya ingin menjadi juara dan saya berjaya melakukannya.”



AKSI menarik Ahmad Syazrin Awang Ilah ketika bersaing dalam kategori down hill individual lelaki semalam.

-UTUSAN MALAYSIA -
28/5/14